

07/07/2001

Stesen radio terbaru milik Ikim dilancar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Radio Ikim.fm - stesen radio terbaru milik Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) akan menyiarkan program yang menggambarkan pandangan Islam sejagat.

Langkah itu dilakukan dengan menggabungkan maklumat dan unsur hiburan secara rapi dan teliti supaya pendengar mendapat manfaat yang sebaik-baiknya.

Stesen radio 24 jam ke udara itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Siarannya dipancarkan di lokasi strategik di seluruh negara menerusi beberapa gelombang, iaitu:

- * 91.5 Mhz bagi Lembah Klang
- * 102.7 Mhz di Perak dan Negeri Sembilan
- * 89.0 Mhz di Kedah, Pulau Pinang dan Perlis
- * 89.5 Mhz di Melaka
- * 107.9 Mhz di Johor Bahru
- * 89.8 Mhz di Kota Bharu, Kelantan
- * 89.6 Mhz di Kuantan, Pahang
- * 100.2 Mhz di Kuala Terengganu
- * 98.8 Mhz di Kuching, Sarawak, dan
- * 93.9 Mhz di Kota Kinabalu, Sabah

Pengerusi Ikim, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata jenis maklumat yang disampaikan merangkumi aspek ekonomi, pengurusan, perniagaan, kewangan, undang-undang, syariah, sains politik, sains sosial, perubatan, kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi, alam sekitar, pertanian, pelancongan dan rekreasi.

"Golongan sasaran adalah setiap lapisan masyarakat termasuk wanita, remaja, kanak-kanak dan saudara baru Islam," katanya pada majlis pelancaran radio itu oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Perdana Menteri kemudian ditemu ramah oleh stesen radio itu yang disiarkan secara langsung. Radio Ikim.fm yang menggunakan peralatan digital sepenuhnya dimasukkan ke dalam senarai The Malaysia Book of Records sebagai stesen radio berasaskan Islam sepenuhnya yang pertama di Malaysia.

Pada majlis pelancaran itu, Pengarah Urusan Malaysia Book of Records, Danny Ooi menyampaikan sijil rekod itu kepada Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim.

Dr Mahathir turut melancarkan logo stesen itu. Pusat studio penyiarannya terletak di Bangunan Ikim di Jalan Duta, dekat sini. Keseluruhan operasi teknikalnya dikawal secara automatik melalui peralatan di bilik kawalan pusat.

Ahmad Sarji berkata, bentuk siaran radio itu yang disampaikan dalam pelbagai bahasa seperti Melayu, Inggeris dan Arab dirangka khusus bagi merangsang pendengar untuk berinteraksi secara ilmiah dengan penyampai, di samping membuka minda mereka agar lebih toleran dalam membincangkan isu kontemporari.

(END)